

KOMANWEL

(I)

KUALA LUMPUR, 1 SEPT (BERNAMA) -- MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) BULAN DEPAN HENDAKLAH MEMUTUSKAN BAGI MENGAMBIL SEGERA TINDAKAN PEMULAUAN TERHADAP AFRIKA SELATAN, SEKALIPUN JIKA BRITAIN TERUS MENENTANG LANGKAH SEPERTI ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TANPA MERUJUKKAN SECARA LANGSUNG KEPADA BRITAIN, PERDANA MENTERI BERKATA MESKIPUN JIKA SEBUAH NEGARA ANGGOTA TIDAK BERSETUJU APABILA NEGARA-NEGARA ANGGOTA LAIN BERSEDIA MENGAMBIL TINDAKAN ITU, +SAYA TIDAK FIKIR KITA HARUS MENANGGUHKANNYA.+

KOMANWEL HANYA MENERUSKAN PENDERITAAN RAKYAT BERKULIT HITAM DI AFRIKA SELATAN JIKA TIDAK BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK BERTINDAK, TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN KE-33 PERSATUAN PARLIMEN KOMANWEL (CPA) DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

SEMASA CHOGM DI NASSAU, KETUA-KETUA KERAJAAN YANG TUNDUK KEPADA TEKanan DARIPADA PERDANA MENTERI BRITAIN, PUAN MARGARET THATCHER, MEMBERIKAN ENAM BULAN KEPADA AFRIKA SELATAN SUPAYA MENGHAPUSKAN DASAR APARTEID ATAU MENGHADAPI PROGRAM PEMULAUAN SECARA SUKARELA.

+ALASAN KONONNYA PEMULAUAN AKAN MENAKIBATKAN RAKYAT BERKULIT HITAM LEBIH MENDERITA DARIPADA ORANG KULIT PUTIH TELAH DISANGKAL OLEH KENYATAAN YANG KITA LIHAT PADA HARI INI,+ KATA DATUK SERI DR MOHATHIR SAID. -- LAGI.

1556MST 01 09 87

D609

U B882 AAB

KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR

(I)

+TANPA PEMULAUAN SEKALIPUN ORANG-ORANG KULIT HITAM DITINDAS, DIBERI LAYANAN BURUK DAN DIBUNUH,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA CPA HENDAKLAH MENGGESA KETUA-KETUA KERAJAAN +YANG MASIH RAGU-RAGU+ MENGENAI PEMULAUAN ITU YANG MENGHADIRI CHOGM DI VANCOUVER SUPAYA MENGENAKAN PEMULAUAN SEKARANG.

+HANYA KETIKA ITU SAHAJALAH KOMANWEL AKAN BERMAKNA,+ KATA PERDANA MENTERI SAMBIL MENAMBAH KATA BAHAWA +BILANGAN KECIL TIDAK HARUS MEMBIARKAN YANG RAMAI BEGITU MENDERITA.+

MENGENAI KEANGGOTAAN MALAYSIA DALAM KOMANWEL, THE PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA AKAN KEKAL DALAM KOMANWEL SEKALIPUN MENGHADAPI BEBERAPA KEKECEWAAN.

BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA KEMUDIAN BAHAWA KAJIAN OLEH KERAJAAN MENGENAI PERKARA ITU MENDAPATI BAHAWA MALAYSIA PERLU KEKAL DALAM KOMANWEL KERANA +KITA MEMPEROLEHI BEBERAPA FAEDAH. OLEH ITU TIADA SEBAB BAGI KITA MENINGGALKAN KOMANWEL+.

DALAM UCAPANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN BELIAU TELAH DAN MASIH BERSIKAP KRITIKAL TERHADAP KOMANWEL, TIDAK DINAFIKAN BAHAWA SESETENGAH NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG MISKIN TELAH MENERIMA BANTUAN DARI NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG MAJU. -- LAGI.

1623MST 01 09 87

U B887 AAB

KOMANWEL 3 KUALA LUMPUR

(I)

+TIDAK KENALAH JIKA SAYA TIDAK MENGAKUI BAHAWA SEMUA INI BEFAEDAH. ITULAH SEBABNYA KITA MASIH BERADA DALAM KOMANWEL,+ KATANYA.

SEMENTARA ITU, RAMAI WAKIL KE PERSIDANGAN ENAM HARI ITU BERSETUJU DENGAN PANDANGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI PERLUNYA DIKENAKAN PEMULAUAN TERHADAP REJIM PRETORIA SEKARANG.

PENGERUSI JAWATANKUASA EKSEKUTIF CPA, DR BAL RAM JAKHAR, DARI INDIA, BERKATA PEMULAUAN HENDAKLAH DIKENAKAN DENGAN +SEPENUHNYA+.

SPEAKER DEWAN PERWAKILAN TRINIDAD DAN TOBAGO, NIZAM MOHAMED, BERSETUJU BAHAWA KELEWATAN MENGENAKAN TINDAKAN PEMULAUAN HANYA AKAN MENAMBAHKAN LAGI KETEGANGAN DAN MENYEBABKAN ORANG-ORANG KULIT HITAM TERUS DITINDAS OLEH REJIM PRETORIA. -- BERNAMA.

1635MST 01 09 87